MINIT MESYUARAT *DEFECTS LIABILITY PERIOD* (DLP) NO.3 PROJEK PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN, SABAH		KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN **MESYUARAT DLP NO. 2**
TARIKH	**11 OKTOBER 2024 (Jumaat)**	
MASA	**09.00 PAGI**	
TEMPAT	**BILIK MESYUARAT PEJABAT TAPAK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN, SABAH**	

MAKLUMAT KONTRAK KERJA		
KONTRAKTOR	MTR ENGINEERING SDN BHD	SENARAI EOT
TEMPOH KONTRAK ASAL	78 MINGGU	EOT NO. 1 : 74 HARI
KOS PROJEK ASAL	RM 8,699,999.85	EOT NO. 2 : 180 HARI
KOS PROJEK SEMASA	RM 8,990,395.08	EOT NO. 3 :58 HARI
NO. KONTRAK	KPKT/BPEMB/JBPM/6/14/2020	EOT NO. 4 :221 HARI
TARIKH MULA KERJA	08.02.2021	EOT NO. 5 :78 HARI
TARIKH SIAP ASAL	08.08.2021	EOT NO. 6 :74 HARI
TARIKH SIAP SEMASA	25.06.2024	

SENARAI KEHADIRAN

BIL.	NAMA	JABATAN/BAHAGIAN
1	Puan Nor Asma binti Ali Akbar	PP/W6/KPKT (Pengerusi)
2	Puan Romizah binti Romi	PP/W6/KPKT
3	Encik Rosdahri bin Muaram	PJ/W6/KPKT
4	Puan Noor Sherriyana binti Bohari	JBPM
5	Encik Zainuddin Saidi	JBPM
6	Puan Umi Naizatul Nabila Dominic	AOA
7	Puan Nur Adriana binti Mohd Borhan	AOA
8	Encik Wilson Kah	PI
9	Encik Terrin Kinchin	JPI
10	Puan Flora Martinus	JBK
11	Encik Rozaimi bin Hamid	JBK
12	Puan DK Noor Ardillah Pg Mohd Noor	MTR

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.0	**<u>UCAPAN ALUAN PENGERUSI</u>** Pengerusi mesyuarat mengucapkan kata-kata aluan dan selamat datang ke Mesyuarat DLP No. 2.	Makluman
2.0	**<u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</u>** Minit mesyuarat DLP No. 2 telah dicadangkan oleh Puan Sherriyana binti Bohari dan disokong oleh Puan Flora Martinus.	Makluman
3.0 **3.1** 3.1.1	**<u>LAPORAN KEROSAKAN</u>** **Arkitek** Pihak Bomba Putatan melaporkan beberapa penemuan defect iaitu: - 1. Kebocoran air di beberapa kawasan masih berlaku walupun pembaikan telah dilaksanakan kontraktor akan melaksanakan lagi pembaikan dan akan selesai pada 18.10.2024 iaitu: - a) Siling luar dan dalam Bilik Gymnasium b) Siling di tangga ruang masuk lobi utama c) Cermin Bilik Kawalan d) Siling di anjung luar Bilik Mesyuarat e) Tangga naik ke simpanan tangki air f) Siling kawasan luar Bilik Gymnasium/ Engine Bay g) Siling koridor Bilik Mesyuarat h) Siling Kuarters perumahan A-1-3 i) Siling Kuarters perumahan A-1-1 j) Tangga Kuarters perumahan 2. Kepingan siling gantung beralih dari kedudukan asal 3. Roller shutter tidak berfungsi dengan baik 4. Pemasangan skru pada wall climbing tidak mencukupi – perlu disiapkan pada 18.10.2024 5. Pemasangan papan tanda BBP Putatan tidak sekata dan beralun 6. Jubin di Kuarters perumahan A-1-3 mula menggelembung – Perlu disiapkan pada 16.10.2024 7. Pintu terowong asap di *Hose Tower* telah mulai reput. 8. Warna cat rak pameran tidak sekata dan terdapat kesan retak – Perlu disiapkan pada 21.10.2024. 9. Tanaman landskap tidak diselenggara 10. Sistem perparitan tidak berjalan dengan lancar (terdapat air bertakung dan hakisan tanah pada parit) di hadapan parking Kuarters 11. Permukaan lantai tidak kemas di kuarters A-1-2 12. Terdapat kebocoran pada tepi lantai dan kerja kemasan tidak kemas di stor kering dan basah 13. Kerja kemasan tidak sempurna iaitu di: - a) Belakang stor kering & basah b) Bilik sesalur telefon c) Bilik sesalur TM (kuarters) 14. Air bertakung dan saluran tersumbat di stor kering & basah 15. Masalah soket dan panel DB di Bilik Kawalan 16. Kebocoran air di tempat letak kereta berbumbung 17. Penyambungan wayar tidak kemas di kuarters A-1-4	MTR MTR MTR MTR

BIL	PERKARA	TINDAKAN
3.1.2	Kontraktor telah mengemukakan Laporan pembaikan semasa T&C kepada Unit pada 7.10.2024.	Makluman
3.2	**Struktur dan Awam**	
3.2.1	Kontraktor telah kemukakan laporan penuh pembaikan kepada UKAS dan W6.	Makluman
3.3	**Mekanikal**	
3.3.1	Isu kerosakan pintu *roller shutter* sedang dalam proses pembaikan oleh pihak kontraktor. Tindakan telah diambil namun perlu menunggu *part roller sutter* yang perlu diganti. Kontraktor diminta untuk segerakan pembaikan selewat-lewatnya pada 18/10/2024.	MTR
3.3.2	Hasil pemeriksaan masalah air di sinki dapur dan *water tap* kuarters mendapati bahawa tekanan air dari JANS adalah rendah. Cadangan yang diketengahkan adalah menggunakan *water pump*.	Makluman
3.3.3	Kontraktor diminta untuk membuat pemeriksaan dan pembaikan keatas kebocoran paip di tepi road kerb berdekatan dengan *parking* berbumbung.	MTR
3.4	**Elektrikal**	
3.4.1	Pihak kontraktor diarahkan untuk membuat pembaikan keatas soket trip di dalam bilik kawalan.	MTR
3.4.2	Plat telefon baharu untuk di Bilik Kawalan sedang menunggu penghantaran daripada pihak pembekal. Kontraktor perlu selesaikan pada 14/10/2024.	MTR
4.0	**PERKARA BERBANGKIT**	
4.1	**Inventory**	
4.1.1	Perunding telah mengemukakan satu salinan kepada Pejabat Wilayah 6. PW6 mohon kontraktor untuk mengemukakan 4 salinan.	MTR
4.2	**Lukisan Terbina (*As-Built*)**	
4.2.1	Lukisan terbina bagi skop arkitek telah dikemukakan kepada USB melalui e-mel pada 04/10/2024.	USB
4.2.2	Lukisan terbina bagi skop struktur akan dikemukakan kepada UKAS pada 16.10.2024.	PI/MTR
4.2.3	Lukisan terbina M&E masih dalam proses penyediaan kerana terdapat tambahan dan akan dikemukakan pada 18.10.2024	JPI/MTR
4.3	**Operations & Maintenance**	
4.3.1	O&M (*test forms* & katalog) akan disediakan selewatnya pada 18/10/2024.	JPI/MTR
4.3.2	Mesyurat dimaklumkan bahawa O&M untuk C&S telah selesai dan telah dikemukakan kepada PW6.	Makluman

BIL	PERKARA	TINDAKAN
4.33	C&S memaklumkan laporan CCTV terdapat *minor defect* pada *sewer pipe*. Pihak C&S akan mengeluarkan surat rasmi berkenaan isu tersebut. Kontraktor diminta untuk membuat pembaikan segera.	MTR
4.4	**Laporan Bulanan Perunding & Kontraktor**	
4.4.1	Perunding M&E dan QS perlu kemukakan Laporan Kualiti Perunding dari Januari sehingga Jun 2024 pada 16/10/2024. Pihak Arkitek dan C&S telah mengemukakan Laporan Kualiti Perunding dari Julai 2023 sehingga Jun 2024 pada 11/10/2024.	JPI/ JBK
4.4.2	Kontraktor dikehendaki untuk kemukakan Laporan Bulanan dari Julai 2023 sehingga Jun 2024 pada 17/10/2024.	MTR
4.4.3	Pihak Kontraktor belum mengemukakan Program Kerja (CPM) bagi EOT no. 6 dan Pejabat W6 memberikan tempoh sehingga 17/10/2024 untuk mengemukakan CPM yang telah disemak dan disahkan oleh setiap perunding.	MTR
4.5	**Penultimate**	
4.5.1	M&E dikehendaki serahkan penultimate kepada QS pada 18/10/2024. Perunding perlu sahkan pada 22/10/2024 dan kemukakan kepada W6 pada 24/10/2024.	JPI/ JBK
5.0	**HAL-HAL LAIN**	
5.1	Pihak Bomba memaklumkan bil utiliti (elektrik dan air) belum dibayar oleh kontraktor. W6 akan keluarkan surat arahan kepada kontraktor.	MTR
5.2	Kontraktor diminta kemukakan salinan insurans baharu ke W6.	MTR
6.0	**PENANGGUHAN MESYUARAT**	
6.1	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.06 tengah hari. Mesyuarat berikutnya akan dimaklumkan kemudian.	Makluman

MINIT MESYUARAT DICATAT DAN DIREKOD OLEH : **TARIKH :** 1.11.2024

Adriana

.....

NUR ADRIANA BINTI MOHD BORHAN
Alasim Omar Architect

MINIT MESYUARAT DISEMAK OLEH : **TARIKH :** 5.11.2024

.....

ROMIZAH BINTI ROMI
Penolong Jurutera
Pejabat Wilayah 6
Sektor Fasiliti Dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

MINIT MESYUARAT DISAHKAN OLEH : **TARIKH :** 7.11.2024

.....

NOR ASMA BINTI ALI AKBAR
Penolong Pengarah
Pejabat Wilayah 6
Sektor Fasiliti Dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.